

# LAPORAN DAPATAN KAJIAN

Kamarul Azmi Jasmi

Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia

## Suggested Citation:

Jasmi, K. A. (2012). Laporan Dapatan Kajian in *Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3 2012 at Felda Residence Tg. Leman, Mersing*, on 23-22 May 2012. Organized by Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim, pp 1-21.

## PENGENALAN

Artikel ini menfokuskan perbincangan terhadap laporan dapatan kajian. Laporan penyelidikan menurut (Cresswell, 2010) bermaksud adalah merupakan satu laporan kajian yang melaporkan berkaitan penyiasatan atau penerokaan masalah, mengenalpasti soalan yang dikenalpasti, dan mengandungi data yang dikumpul, serta analisis yang ditafsir oleh penyelidik.” Perbincangan tentang penyusunan laporan kajian atau penyelidikan ini akan menyentuh tentang perkara yang perlu dilakukan sebelum membuat laporan, iaitu yang berkisar kepada menyusun indeks kerja untuk tujuan auditorial dan membuat borang pengesahan data untuk dinilai oleh pakar bidang. Seterusnya artikel ini cuba mengupas secara tuntas perjalanan laporan dapatan kajian sebermula dengan enyusun jadual matriks atau model, memindahkan petikan data, laporan penganalisisan silangan, dan wacana dalam laporan analisis dapatan kajian.

# LAPORAN DAPATAN KAJIAN\*

**DR. KAMARUL AZMI JASMI**

Fakulti Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia

## **PENGENALAN**

Artikel ini menfokuskan perbincangan terhadap laporan dapatan kajian. Laporan penyelidikan menurut (Cresswell, 2010) bermaksud adalah merupakan satu laporan kajian yang melaporkan berkaitan penyiasatan atau penerokaan masalah, mengenalpasti soalan yang dikenalpasti, dan mengandungi data yang dikumpul, serta analisis yang ditafsir oleh penyelidik.”

Perbincangan tentang penyusunan laporan kajian atau penyelidikan ini akan menyentuh tentang perkara yang perlu dilakukan sebelum membuat laporan, iaitu yang berkisar kepada menyusun indeks kerja untuk tujuan auditorial dan membuat borang pengesahan data untuk dinilai oleh pakar bidang. Seterusnya artikel ini cuba mengupas secara tuntas perjalanan laporan dapatan kajian sebermula dengan menyusun jadual matriks atau model, memindahkan petikan data, laporan penganalisisan silangan, dan wacana dalam laporan analisis dapatan kajian.

## **TINDAKAN SEBELUM MEMBUAT LAPORAN DAPATAN KAJIAN**

Terdapat beberapa tugas penting sebelum seseorang pengkaji membuat laporan dapatan kajian, iaitu menyusun indeks kerja, membuat borang pengesahan pakar, mendapat pengesahan pakar terhadap tema yang dibina dan tahap Cohen Kappa terhadap persetujuan pakar tersebut.

### **Indeks Kerja**

Salah satu daripada perkara yang penting untuk dilakukan sebelum membuat laporan dapatan kajian ialah menyusun indeks kerja yang tersusun rapi sebagai salah satu daripada persediaan untuk auditorial ketika peperiksaan lisan. Indeks kerja ini bermaksud semua kerja belakang tabir dalam menganalisis dapatan kajian disusun dengan indeks yang teratur. Selain tujuan untuk auditorial, indeks ini juga penting sebagai simpanan yang penting dalam bentuk hard copy terhadap segala kerja belakang tabir dalam bentuk yang tersusun kerana simpanan dalam bentuk softcopy terdedah kepada kehilangan, kecurian peralatan komputer, serangan virus dan sebagainya. Hal ini seterusnya memberi kesan yang besar kepada penyelidikan pengkaji sekiranya maklumat penting ini hilang atau rosak.

Penyusunan indeks kerja setelah menggunakan NVivo memudahkan lagi penyusunan indeks kerja ini. Hal ini kerana segala maklumat yang dianalisis dalam NVivo ini telah ditaip dalam komputer. Oleh itu, indeks kerja ini hanya perlu disusun sahaja dalam bentuk susunan yang lebih rapi dan mudah untuk dirujuk oleh pengkaji dan orang lain. Susunan indeks kerja boleh dilakukan mengikut kreativiti pengkaji masing-masing sebagai contoh yang agak baik dalam penyusunan indeks kerja ini boleh disusun seperti berikut sebelum dibinding dengan perfect binding sebagaimana yang ditunjukkan dalam Lampiran A 11.1 artikel ini.

### **Pengesahan Data oleh Pakar Bidang**

---

\* Kertas kerja Pertama ini dibentangkan di Kursus Penyelidikan Kualitatif siri 3 2012 pada 22-23 Mei 2012 di Felda Residence Tg. Leman, Mersing anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Jalan Datin Halimah, 80350 Johor Bahru, Negeri Johor Darul Ta'zim.

Perkara kedua yang perlu dilakukan oleh pengkaji sebelum membuat laporan ialah menyediakan borang pengesahan pakar. Pengesahan data di sini bermaksud pengesahan tema pola yang terhasil dalam kajian yang akan dijadikan model dapatan kajian. Pakar yang dimaksudkan pula bermaksud pakar dalam bidang kajian dan pakar dalam metodologi kajian kualitatif.

Pakar dalam bidang kajian diminta supaya apa yang ditafsirkan oleh pengkaji terhadap data kajian dapat disahkan pula oleh pakar bidang agar tidak timbul soal kelayakan pengkaji dalam mentafsirkan maksud seterusnya merendahkan tahap kesahan data kajian. Contoh yang paling mudah ialah kajian terhadap ayat al-Quran atau hadis oleh seorang penyelidik untuk melihat aspek pendidikan yang terdapat dari kedua-dua sumber. Pengkaji akan mentafsir mengikut tahap kemampuan kefahaman tafsirannya untuk membina tema. Tafsiran ini kalau tanpa disahkan oleh pakar bidang tafsir untuk kajian teks al-Quran atau bidang hadis untuk tafsiran kajian hadis, maka sudah tentu tafsiran ini boleh dipertikaikan oleh penilai kajian ketika peperiksaan lisan.

Manakala kepentingan pakar metodologi kualitatif bagi mengesahkan pola dapatan kajian pula bertujuan agar pengesahan yang dikehendaki dalam kajian tersebut benar-benar difahami, iaitu tugas pakar pada bahagian ini adalah untuk melihat keselarasan tema yang dibina serta perkelompokannya dengan data yang dipetik bertepatan atau tidak. Bagi pakar yang tidak memahami metodologi kualitatif, mereka tidak faham apakah aspek yang hendak disahkan daripada borang pengesahan pakar yang hendak dibina. Akibatnya, dapatan persetujuan menjadi rendah dan tidak mencapai tahap yang baik daripada nilai Cohen Kappa yang dikehendaki, iaitu nilainya mesti pada tahap tinggi atau sangat tinggi.

Ketika membuat borang pengesahan pakar, pengkaji hanya memilih salah satu petikan data yang paling *outstanding* terhadap tema yang dibina dengan menyediakan kotak pilihan setuju atau tidak setuju terhadap data yang dipetik itu sama ada selaras dengan tema yang dibina oleh pengkaji ataupun tidak. Ruangan catatan juga disediakan agar ketidaksetujuan pakar dapat diberikan komen untuk rujukan pengkaji.

Setelah nilai Cohen Kappa ini terhasil pada tahap tinggi atau sangat tinggi dengan sekurang-kurangnya daripada tiga orang pakar, barulah pengkaji mengambil langkah untuk menyusun Jadual Matriks untuk laporan dalam bab dapatan kajian.

## **MENYUSUN JADUAL MATRIKS DAN MODEL NVIVO**

Artikel 9 yang lalu yang menyentuh tentang Analisis Data dan Penyediaan Jadual Matriks ada menyentuh tentang fail *queries* yang dieksport ke dalam bentuk fail Excel seperti Lampiran 11.2 perlu dibuka dan dicuci sehingga bentuk Jadual Matriks benar-benar difahami oleh pengkaji, pembaca, dan yang lebih penting ialah penilai. Proses cucian seperti berikut:

- (1) Membuang semua perkataan dan tanda '/' yang tidak perlu. Ketika membuang semua perkataan yang tidak perlu ini, pengkaji boleh menggunakan arahan Copy (CTRL+C), bukan arahan replace (CTRL+H), Paste (CTRL+V) dan Replace All agar dapat mempercepatkan pembuangan perkara yang tidak perlu. Menjumlahkan hasil tranggulasi data (Auto Sum) [Lampiran 11.3]. Seterusnya dieksport pula fail ini ke dalam bab Laporan data dalam program Word Office.
- (2) Menyusun kolum jenis data dari data utama hingga yang paling kurang penting, memisahkan tema data dalam kelompoknya masing-masing, menyusun tema yang paling tinggi tranggulasi

data sehingga yang paling rendah, meletakkan nombor jadual dan tajuk. Hasilnya sebagai contoh seperti Lampiran 11.4. Hasil ini diletakkan dalam Lampiran.

- (3) Jadikan jadual matrik dalam bab laporan dalam bentuk perwakilan sahaja dan bukan dalam bentuk penomboran (Lampiran 11.5). Hal ini kerana kualitatif tidak mementingkan penomboran dalam pelaporan dapatan kajian. Setiap Jadual Matrik ini hendaklah dirujuk kepada Jadual Lampiran Asal yang telah diletakkan dalam Lampiran. Manakala dalam penulisan laporan setiap petikan dan maksud ayat hendak dirujuk kepada verbatim asal data kajian yang dibina.

Setelah menyusun ketiga-tiga perkara baru, fokus tindakan pula menyentuh kepada pemilihan petikan data. Manakala bagi kajian yang sumbernya hanya daripada satu sumber seperti analisis kandungan teks, maka cara terbaik dalam perbincangan laporan dapatan kajian hanya dipindahkan moden NVivo ke bahagian ini dalam bentuk rajah-rajah kecil mengikut subtajuk kategori data yang diperoleh.

### **Pemilihan Petikan Data**

Langkah seterusnya selepas penyusunan jadual matriks atau model NVivo ialah pemilihan petikan data untuk pelaporan. Data yang hendak dipetik perlu dipilih dengan berhati-hati dan pastikan petikan ini telah diedit dari segi bahasanya sebelum dipastekan dalam bahagian bawah setiap jadual matriks atau model yang telah disusun. Pemilihan petikan boleh diaplikasikan dengan memberi penekanan kepada perkara berikut:

- (1) Pilih petikan yang paling memberi impak kepada laporan
- (2) Pilih petikan yang bersifat triangulasi.
- (3) Ayat petikan yang jelas dan menarik
- (4) Rujukan sumber dan baris verbatim boleh disertakan sekali dalam setiap kaki kanan petikan yang diambil.

Banyak atau sedikit petikan adalah bergantung kepada kepadatan laporan dan kedalaman. Jika kajian terlalu luas dan mendalam, cukup dengan satu petikan bagi setiap tema. Jika tidak terlalu luas tetapi mendalam, boleh diperbanyakkan petikan untuk menyokong laporan. Apa yang penting dapatan kajian untuk peringkat sarjana tidak lebih daripada seratus halaman berbanding peringkat doktor falsafah sekitar 150 halaman.

## **PELAPORAN DAPATAN KAJIAN**

Pengkaji membuat laporan dalam bentuk esei yang disusun kepada beberapa bahagian dengan bahagian A untuk latar belakang responden dan Bahagian B pula dipecahkan mengikut kategori. Jumlah kategori mestilah selaras dengan jumlah objektif kajian.

Setiap bahagian dan setiap kategori mestilah mempunyai pembuka kata yang menjelaskan secara umum bahagian dan kategori tersebut sebelum membincangkannya dengan lebih detail dalam paragraf yang berikutnya.

Paragraf isi pula ditulis berdasarkan susunan tema jadual matriks atau model dengan penghuraian bagi setiap tema diambil daripada isi yang telah dikelompokkan dalam NVivo. Dan

penghuraian ini mesti disokong dengan petikan data utama dengan kenyataan data utama ini pula dibuktikan dengan data sokongan. Bagi tujuan menjimatkan ruang perbincangan, penghuraian laporan hanya merujuk kepada makna yang diperolehi daripada data dengan merujuk terus kepada baris verbatim dari sumber data verbatim tersebut. Semua tema dalam jadual matriks dan model sama ada berbentuk pola tau tidak hendaklah diuraikan satu persatu secara tersusun.

Penghuraian paragraf isi juga mestilah menjelaskan perbezaan kedudukan tema yang dibina dari wujud atau tidak wujud antara satu tempat kajian dengan satu tempat kajian yang lain dengan menjelaskan faktor-faktor kewujudan dan ketiadaannya. Kaedah perbincangan ini dipanggil sebagai kaedah perbandingan berterusan antara data dengan data yang lain.

Ketika penghuraian, wacana amat penting. Oleh itu, setiap fakta mesti disokong dengan petikan data kajian. Begitu juga, setiap petikan mestilah dijelaskan pula dalam ayat tentang keterangan petikan. Untuk meningkatkan wacana, kata hubung yang sesuai boleh digunakan bagi meragamkan lagi cara penyampaian agar tidak menjemukan.

Setiap bahagian dan setiap kategori pada bahagian akhir mestilah mempunyai rumusan dan kesimpulan dan tidak dibiarkan tergantung tanpa penutup. Jika ketika membincangkan isi tema, perbincangan diumumkan kepada tema pola dan yang tidak pola, sebaliknya ketika membuat rumusan, pengkaji mestilah hanya menfokuskan kepada pola dapatan kajian. Cara terbaik bagi pelapor yang menggunakan jadual matriks ketika membuat rumusan ialah dengan membawakan sekali model NVivo dalam keterangannya. Bagi pengkaji yang hanya menggunakan model dalam perbincangan dapatan kajian, model yang berbentuk pola juga boleh digunakan ketika membuat rumusan ini.

## SENARAI SEMAK LAPORAN DAPATAN KAJIAN

Keperluan kepada laporan dapatan kajian ini boleh dilihat dalam secara semak berikut sebagai panduan, iaitu sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 11.1.

**Jadual 11.1** Senarai semak laporan dapatan kajian

Bil.	Perkara	Status Y/N	Muka surat	Catatan
1.	Memastikan setiap kategori dan tema yang dihasilkan menjawab persoalan kajian beserta jadual. Jika ada model yang hendak dikonsepsikan, jelaskan huraian dengan gambar dan membandingkan model yang dikemukakan dalam bab 1 dari aspek persamaan dan perbezaan.			
2.	Dapatan dikemukakan beserta triangulasi data.			

Secara ringkas dua secara semak ini merupakan aspek terpenting dalam laporan dapatan kajian yang perlu dipastikan ada bagi memantapkan laboran tersebut.

## RUMUSAN

Artikel ini telah membincangkan perkara yang perlu dilakukan sebelum membuat laporan dapatan kajian yang terdiri daripada penyediaan Indeks Kerja untuk tujuan auditorial dalam peperiksaan lisan. Maksud daripada indeks kerja ini dikupas dari segi definisi, cara menyusun, dan cara

bagaimana pengindeksan kerja dilaksanakan. Selain itu, penyediaan borang pengesahan pakar yang terdiri daripada perkara yang hendak disahkan oleh pakar, pemilihan petikan, kaedah pembinaan borang pengesahan pakar, memilih pakar pengesah tema, dan mengira tahap Cohen Kappa turut dijelaskan.


Seterusnya, artikel ini juga telah membincangkan kaedah menyusun jadual matriks, membina dan menyusun jadual matriks atau model, menyusun jadual matriks atau rajah mengikut objektif, menyusun tema daripada triangulasi tertinggi hingga terendah atau mengikut aturan penceritaan, menamakan jadual atau rajah, meletakkan rujukan verbatim di setiap kaki jadual atau rajah, pemilihan petikan data dari segi pilihan petikan yang paling memberi impak kepada laporan, pilihan petikan yang bersifat triangulasi, dan pemilihan ayat petikan yang jelas dan menarik.

Setelah itu, artikel ini juga mengupas penganalisan silangan atau triangulasi dari segi menyokong penceritaan dengan data, membincangkan tema dengan petikan utama kajian yang disokong dengan data lain, membuat rujukan terhadap setiap perbincangan yang hendaklah disandarkan dengan jadual dan data verbatim.

Bahagian akhir artikel ini turut menerangkan tentang peranan wacana dalam penganalisan dari segi susun atur perbincangan dengan meletakkan latar belakang responden terlebih dahulu berbanding isi dapatan kajian. Isi dapatan kajian berdasarkan artikel ini perlu mempunyai ayat pengenalan bagi setiap bahagian laporan yang berdasarkan objektif, membuat perbandingan berterusan antara data dengan data, membuat perkaitan antara perbincangan dengan petikan data dan antara petikan data dengan perbincangan, menggunakan kata hubung yang betul untuk memperelok ayat, serta membuat ayat rumusan bagi setiap bahagian akhir laporan bagi sesuatu objektif.

## RUJUKAN

- Bazeley, Pat. 2007. *Qualitative Data Analysis with NVivo*. London: SAGE Publications.
- Beverly Ann Chin. 2004. *How to Write a Great Research Paper*. Canada: John Wiley & Sons, Inc.
- Blaxter L., Hughes C., & Tight M. 2006. *How to Research*. Third Edition. Maidenhead Berkshire, England: Open University Press.
- Bryman, A. *Understanding Social Research*. Buckingham: Open University Press.
- Cargill, M. & O'Connor, P. 2009. *Writing Scientific Research Articles*. First Edition. Australia: Wiley- Blackwell A John Wiley & Sons, Ltd., Publication.
- Dawson C. 2002. *Practical Research Methods: A User-Friendly Guide to Mastering Research*. United Kingdom: How To Books.
- Dennis Howitt, D. & Cramer, D. 2011. *Introduction to Research Methods in Psychology*. Third Edition. England: Pearson Education Limited.
- Ellison, C. 2010. *McGraw-Hill's Concise Guide to Writing Research Papers*. New York: The McGraw-Hill Companies.
- Gray D.E. 2004. *Doing Research in the Real World*. London: SAGE Publications.
- Kalof, U., Don, A. & Dietz, T. 2008. *Essentials of Social Research*. First published. England: Open University Press and McGraw-Hill Education.
- Richards, L. 1999. *Using NVivo in Qualitative Research*. London: SAGE Publications.



**Tajuk**

**GURU CEMERLANG PENDIDIKAN ISLAM  
SEKOLAH MENENGAH DI MALAYSIA:  
SATU KAJIAN KES**

**DAPATAN DATA KAJIAN  
GCPI1-8 DI S1-S8**

**KAMARUL AZMI JASMI**

**PENYELIA**

**PROF. MADYA DR. AB. HALIM TAMURI**

**DR. MOHD IZHAM MOHD HAMZAH**

**FAKULTI PENDIDIKAN**

**UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**





# KANDUNGAN

<b>DAPATAN TEMA</b>	<b>1</b>
<b>Bahagian A Biodata</b>	<b>1</b>
(1) GCPI11	1
(2) GCPI12	18
(3) GCPI13	26
(4) GCPI14	43
(5) GCPI15	52
(6) GCPI16	68
(7) GCPI17	77
(8) GCPI18	91
<b>Bahagian B Jadual Matrik Jenis Data dan Kekerapan Data Ciri Kecemerlangan GCPI di S1-S8</b>	<b>121</b>
(1) Pengajaran dan Pembelajaran GCPI di S1-S8	121
(2) Keperibadian GCPI di S1-S8	137
(3) Kemahiran GCPI di S1-S8	153
(4) Motivasi GCPI di S1-S8	160
(5) Ilmu GCPI dan Pengamalannya di S1-S8	166
(6) Faktor Luaran Kecemerlangan GCPI di S1-S8	172
<b>Bahagian C Jadual Matrik Jenis Data dan Kekerapan Data Ciri Kecemerlangan GCPI Mengikut Sekolah</b>	<b>175</b>
(1) S1	175
Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran	175
Bahagian 2 Keperibadian	192
Bahagian 3 Kemahiran	222
Bahagian 4 Motivasi	247
Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya	251
Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI	265

(2) S2	289
Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran	289
Bahagian 2 Keperibadian	317
Bahagian 3 Kemahiran	349
Bahagian 4 Motivasi	372
Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya	377
Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI	408
(3) S3	409
Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran	409
Bahagian 2 Keperibadian	437
Bahagian 3 Kemahiran	489
Bahagian 4 Motivasi	507
Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya	510
Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI	521
(4) S4	555
Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran	555
Bahagian 2 Keperibadian	620
Bahagian 3 Kemahiran	677
Bahagian 4 Motivasi	711
Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya	718
Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI	737
(5) S5	763
Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran	763
Bahagian 2 Keperibadian	781
Bahagian 3 Kemahiran	811
Bahagian 4 Motivasi	827
Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya	831
Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI	840

(6)	<b>S6</b>	<b>857</b>
	<b>Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran</b>	<b>857</b>
	<b>Bahagian 2 Keperibadian</b>	<b>886</b>
	<b>Bahagian 3 Kemahiran</b>	<b>923</b>
	<b>Bahagian 4 Motivasi</b>	<b>950</b>
	<b>Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya</b>	<b>954</b>
	<b>Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI</b>	<b>967</b>
(7)	<b>S7</b>	<b>983</b>
	<b>Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran</b>	<b>983</b>
	<b>Bahagian 2 Keperibadian</b>	<b>1017</b>
	<b>Bahagian 3 Kemahiran</b>	<b>1068</b>
	<b>Bahagian 4 Motivasi</b>	<b>1093</b>
	<b>Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya</b>	<b>1098</b>
	<b>Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI</b>	<b>1117</b>
(8)	<b>S8</b>	<b>1139</b>
	<b>Bahagian 1 Pengajaran dan Pembelajaran</b>	<b>1139</b>
	<b>Bahagian 2 Keperibadian</b>	<b>1170</b>
	<b>Bahagian 3 Kemahiran</b>	<b>1226</b>
	<b>Bahagian 4 Motivasi</b>	<b>1255</b>
	<b>Bahagian 5 Ilmu dan Pengamalannya</b>	<b>1263</b>
	<b>Bahagian 6 Faktor Luaran kecemerlangan GCPI</b>	<b>1282</b>
	<b>TEKS ANALISIS N'VIVO 7.0</b>	<b>1301</b>
<b>S1</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1301</b>
	<b>(1) Temubual bersama GCPI1</b>	<b>1301</b>
	<b>(2) Temubual Bersama P1S1</b>	<b>1324</b>
	<b>(3) Temubual Bersama P2S1</b>	<b>1331</b>
	<b>(4) Temubual Bersama G1S1</b>	<b>1338</b>
	<b>(5) Temubual Bersama G2S1</b>	<b>1346</b>
	<b>(6) Temubual Bersama PS1</b>	<b>1358</b>

	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS1)</b>	<b>1365</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS1)</b>	<b>1378</b>
<b>S2</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1407</b>
	(1) Temubual bersama GCPI2	1407
	(2) Temubual Bersama P1S2	1424
	(3) Temubual Bersama P2S2	1432
	(4) Temubual Bersama G1S2	1442
	(5) Temubual Bersama G2S2	1452
	(6) Temubual Bersama PS2	1464
	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS2)</b>	<b>1470</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS2)</b>	<b>1477</b>
<b>S3</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1491</b>
	(1) Temubual bersama GCPI3	1491
	(2) Temubual Bersama P1S3	1513
	(3) Temubual Bersama P2S3	1526
	(4) Temubual Bersama G1S3	1534
	(5) Temubual Bersama G2S3	1545
	(6) Temubual Bersama PS3	1554
	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS3)</b>	<b>1564</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS3)</b>	<b>1571</b>
<b>S4</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1583</b>
	(1) Temubual bersama GCPI4	1583
	(2) Temubual Bersama P1S4	1598
	(3) Temubual Bersama P2S4	1606
	(4) Temubual Bersama G1S4	1617
	(5) Temubual Bersama G2S4	1625
	(6) Temubual Bersama PS4	1631

	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS4)</b>	<b>1638</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS4)</b>	<b>1651</b>
<b>S5</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1661</b>
	(7) Temubual bersama GCPI5	1661
	(8) Temubual Bersama P1S5	1677
	(9) Temubual Bersama P2S5	1684
	(10) Temubual Bersama G1S5	1693
	(11) Temubual Bersama G2S5	1700
	(12) Temubual Bersama PS5	1707
	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS5)</b>	<b>1711</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS5)</b>	<b>1713</b>
<b>S6</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1723</b>
	(13) Temubual bersama GCPI6	1723
	(14) Temubual Bersama P1S6	1738
	(15) Temubual Bersama P2S6	1745
	(16) Temubual Bersama G1S6	1751
	(17) Temubual Bersama G2S6	1758
	(18) Temubual Bersama PS6	1764
	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS6)</b>	<b>1769</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS6)</b>	<b>1778</b>
<b>S7</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1787</b>
	(19) Temubual bersama GCPI7	1787
	(20) Temubual Bersama P1S7	1800
	(21) Temubual Bersama P2S7	1808
	(22) Temubual Bersama G1S7	1815
	(23) Temubual Bersama G2S7	1822
	(24) Temubual Bersama PS	1830

	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS7)</b>	<b>1836</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS7)</b>	<b>1841</b>
<b>S8</b>	<b>Bahagian A: Teks Temubual</b>	<b>1849</b>
	<b>(25) Temubual bersama GCPI8</b>	<b>1849</b>
	<b>(26) Temubual Bersama P1S8</b>	<b>1867</b>
	<b>(27) Temubual Bersama P2S8</b>	<b>1875</b>
	<b>(28) Temubual Bersama G1S8</b>	<b>1881</b>
	<b>(29) Temubual Bersama G2S8</b>	<b>1888</b>
	<b>(30) Temubual Bersama PS8</b>	<b>1893</b>
	<b>Bahagian B: Analisis Dokumen (ADS8)</b>	<b>1900</b>
	<b>Bahagian C: Pemerhatian Kajian, Nota Lapangan dan Komen Pengkaji (OS8)</b>	<b>1911</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>1919</b>
<b>Lampiran A</b>	<b>Jadual Pergerakan Kerja Lapangan di S1-S8</b>	<b>1919</b>
<b>Lampiran B</b>	<b>Teks Semakan dan Tandangan Persetujuan Responden Perbualan</b>	<b>1927</b>

Lampiran 11.2 Contoh Jadual Matriks Asal yang Dieksport dari NVivo

	Documents\Analisis Dokumen\ADS1	Documents\Analisis Dokumen\ADS2	Documents\Pe merhatian\OS1	Documents\Pe merhatian\OS2	Documents\Temubua I Mendalam\TBS1	Documents\Temubua I Mendalam\TBS2	Tree Nodes\KF1\ P1S1	Tree Nodes\KF1\ P2S1	Tree Nodes\KF2\ P1S2	Tree Nodes\KF2\ P2S2
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Komunikasi	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Komunikasi\Pengucapan Awam	15	1	2	1	0	1	2	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Komunikasi\Body Language	0	0	0	1	0	1	1	0	1	3
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Komunikasi\Perhubungan Awam	0	0	0	1	0	2	1	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Komunikasi\Intonasi Suara	0	0	0	1	0	0	0	1	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Komunikasi\Jenaka	0	0	3	1	0	0	0	1	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Komunikasi\Mendengar	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\Lakar	0	0	4	0	1	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\Lukis	0	0	1	0	1	0	3	2	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\Nasyid	0	0	0	0	0	0	2	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\Taranum	12	0	1	0	1	0	1	1	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\Berzanji	0	0	0	0	1	0	1	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\al-Quran Bertajwid	23	0	1	0	0	0	0	0	1	1
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\Khat	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Seni\Hiasan Dalaman	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Berfikir	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Berfikir\Kreatif & Kritis	5	1	4	2	0	0	1	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\Berfikir\Rumus	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\ICT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\ICT\Komputer & Program	0	1	0	2	1	3	1	2	2	2
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\ICT\Internet	0	0	0	0	1	1	1	1	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\ICT\Clip Video	0	0	0	1	0	0	0	0	0	0
Tree Nodes\Ciri Kemahiran GCPI\ICT\CDRom	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0









## Lampiran 11.4

**Jadual 11.4** Contoh Jadual yang Disusun dalam Word Office untuk Diletakkan di Lampiran

### JADUAL MATRIKS JENIS DATA DAN KEKERAPAN DATA CIRI KECEMERLANGAN GCPI DI S1-S8

**Keterangan:**

1. Semua jadual matriks yang ditunjukkan adalah hasil tadbiran data yang dikodkan dari teks temu bual, laporan observasi, dan laporan analisis dokumen sebagaimana yang dinyatakan dalam Lampiran M. Semua data ini diproses dengan bantuan N'Vivo 7.0.
2. Jadual matriks yang disusun mengikut susunan tertinggi kekerapan data sehingga yang terendah. Jumlah mengikut S1-S8 merupakan dapatan akhir yang diletakkan dalam jadual dapatan data kualitatif Bab IV.
3. Keterangan kod singkatan dalam jadual adalah seperti dalam senarai singkatan dalam bahagian kandungan.

**Jadual 1** Bentuk Komunikasi dalam Kalangan GPI

Komunikasi	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Pengucapan Awam	0	2	0	2	15	1	0	0	1	1	22
Body Language	0	1	1	0	0	1	0	3	1	0	7
Jenaka	0	0	0	3	0	0	1	0	1	0	5
Perhubungan Awam	0	1	0	0	0	2	0	0	1	0	4
Intonasi Suara	0	0	0	0	0	0	1	0	1	0	2
Mendengar	0	0	0	0	0	0	0	1	0	0	1

**Jadual 2** Bentuk Seni dalam Kalangan GPI

Seni	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Taranum	1	1	0	1	12	0	1	0	0	0	16
al-Quran Bertajwid	0	0	1	1	23	0	0	1	0	0	26
Lukis	1	3	0	1	0	0	2	0	0	0	7
Lakar	1	0	0	4	0	0	0	0	0	0	5
Nasyid	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Berzanji	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	2
Hiasan Dalaman	0	0	0	0	0	2	0	0	0	0	2
Khat	0	0	1	0	0	0	0	0	0	0	1

**Jadual 3** Bentuk Berfikir dalam Kalangan GPI

Berfikir	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Kreatif & Kritis	0	1	0	4	5	0	0	0	2	1	13
Rumus	0	0	0	0	0	0	0	0	2	0	2

Jadual 4 Bentuk ICT dalam Kalangan GPI

ICT	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Komputer & Program	1	1	2	0	0	3	2	2	2	1	14
Internet	1	1	0	0	0	1	1	0	0	0	4
Clip Video	0	0	0	0	0	0	0	0	1	0	1
CDRom	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2

Jadual 5 Bentuk Mengurus dalam Kalangan GPI

Mengurus	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Mengurus Kerja	0	0	0	0	11	1	0	1	0	6	19
Memimpin kerja	1	1	0	0	9	0	1	0	0	2	14
Mengurus Masa	0	2	0	1	0	1	0	1	0	0	5
Mengurus Penyelidikan	0	0	0	0	1	0	0	0	0	2	3
Mengurus Fail	0	0	0	0	1	1	0	0	0	0	2

Jadual 6 Bentuk Mengurus dalam Kalangan GPI

Menulis	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Mendokumentasi	0	0	0	0	6	1	0	0	0	7	14
Menulis Artikel	0	0	0	0	2	2	0	0	0	5	9
Menaip	0	0	3	0	0	1	0	1	0	0	5
Menulis Buku	0	0	0	0	0	0	0	0	0	5	5
Menulis Modul	0	0	0	0	0	0	0	0	0	1	1

Jadual 7 Bentuk Berbahasa dalam Kalangan GPI

Berbahasa	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Berbahasa Inggeris	0	0	0	0	0	0	0	3	0	0	3
Mengguna Peribahasa	0	0	0	2	0	0	0	0	0	0	2

Jadual 8 Bentuk Merawat dalam Kalangan GPI

Merawat	TBS1	P1S1	P1S2	OS1	ADS1	TBS2	P2S1	P2S2	OS2	ADS2	Σ
Rawatan Islam	1	0	0	0	1	2	0	0	0	0	4
Kaunseling	0	0	0	0	0	1	0	0	0	0	1
Rawatan Kecemasan	0	0	0	0	1	0	0	0	0	0	1

## Lampiran 11.4

**Jadual 11.4** Contoh Jadual yang Disusun dalam Word Office untuk Laporan Dapatan Kajian

Jadual 4.1 Bentuk Komunikasi dalam Kalangan GPI

<b>Komunikasi</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Pengucapan Awam	0	X	0	X	X5	X	0	0	X	X
Body Language	0	X	X	0	0	X	0	X	X	0
Jenaka	0	0	0	X	0	0	X	0	X	0
Perhubungan Awam	0	X	0	0	0	X	0	0	X	0
Intonasi Suara	0	0	0	0	0	0	X	0	X	0
Mendengar	0	0	0	0	0	0	0	X	0	0

Jadual 4.2 Bentuk Seni dalam Kalangan GPI

<b>Seni</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Taranum	X	X	0	X	XX	0	X	0	0	0
al-Quran Bertajwid	0	0	X	X	XX	0	0	X	0	0
Lukis	X	X	0	X	0	0	X	0	0	0
Lakar	X	0	0	X	0	0	0	0	0	0
Nasyid	0	X	0	0	0	0	0	0	0	0
Berzanji	X	X	0	0	0	0	0	0	0	0
Hiasan Dalaman	0	0	0	0	0	X	0	0	0	0
Khat	0	0	X	0	0	0	0	0	0	0

Jadual 4.3 Bentuk Berfikir dalam Kalangan GPI

<b>Berfikir</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Kreatif & Kritis	0	X	0	X	X	0	0	0	X	X
Rumus	0	0	0	0	0	0	0	0	X	0

Jadual 4.4 Bentuk ICT dalam Kalangan GPI

<b>ICT</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Komputer & Program	X	X	X	0	0	X	X	X	X	X
Internet	X	X	0	0	0	X	X	0	0	0
CDRom	X	0	0	0	X	0	0	0	0	0
Clip Video	0	0	0	0	0	0	0	0	X	0

Jadual 4.5 Bentuk Mengurus dalam Kalangan GPI

<b>Mengurus</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Mengurus Kerja	0	0	0	0	XX	X	0	X	0	X
Memimpin kerja	X	X	0	0	X	0	X	0	0	X
Mengurus Masa	0	X	0	X	0	X	0	X	0	0
Mengurus Penyelidikan	0	0	0	0	X	0	0	0	0	X
Mengurus Fail	0	0	0	0	X	X	0	0	0	0

Jadual 4.6 Bentuk Mengurus dalam Kalangan GPI

<b>Menulis</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Mendokumentasi	0	0	0	0	X	X	0	0	0	X
Menulis Artikel	0	0	0	0	X	X	0	0	0	X
Menaip	0	0	X	0	0	X	0	X	0	0
Menulis Buku	0	0	0	0	0	0	0	0	0	X
Menulis Modul	0	0	0	0	0	0	0	0	0	X

Jadual 4.7 Bentuk Berbahasa dalam Kalangan GPI

<b>Berbahasa</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Berbahasa Inggeris	0	0	0	0	0	0	0	X	0	0
Mengguna Peribahasa	0	0	0	X	0	0	0	0	0	0

Jadual 4.8 Bentuk Merawat dalam Kalangan GPI

<b>Merawat</b>	<b>TBS1</b>	<b>P1S1</b>	<b>P1S2</b>	<b>OS1</b>	<b>ADS1</b>	<b>TBS2</b>	<b>P2S1</b>	<b>P2S2</b>	<b>OS2</b>	<b>ADS2</b>
Rawatan Islam	X	0	0	0	X	X	0	0	0	0
Kaunseling	0	0	0	0	0	X	0	0	0	0
Rawatan Kecemasan	0	0	0	0	X	0	0	0	0	0